

# **RAHSIA MENGHAFAK 3 SURAH AMALAN**

RAHSIA MENGHAFAK 3 SURAH AMALAN DALAM MASA 50  
HARI!

**SURAH AL-MULK**

**SURAH AL-WAQI'AH**

**SURAH AL-KAHFI**

## **KELEBIHAN SURAH AL-MULK**

Al-Mulk bererti Kuasa Pemerintahan. Surah Al-Mulk adalah surah ke 67 dalam Al-Quran yang terdiri dari 30 ayat.

Surah ini termasuk dalam surah Makkiyah. Rasulullah SAW sangat mencintai surah Al-Mulk. Baginda mengharapkan surah Al-Mulk berada di hati setiap mukmin.

Sebab itu saya memilih surah ini sebagai salah satu surah untuk anda hafal.

.

Surah Al-Mulk mempunyai banyak kelebihan & fadhilat bagi sesiapa yang melazimkan membacanya, antaranya:

- 1 - Diberi keselamatan dari azab kubur.
- 2 - Diberikan syafaat sampai diampuni dosanya.
- 3 - Dikeluarkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.

An-Nasai meriwayatkan dari Ibnu Mas'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda, sesiapa yang membaca surah Al-Mulk setiap malam, maka Allah akan mencegahnya dari siksa kubur.

(HR An-Nasai)

Daripada Jabir r.a, sesungguhnya Rasulullah tidak akan tidur sehingga baginda membaca Alif Laam Al-Sajdah dan Al-Mulk.

(HR At-Tirmizi)

Daripada Anas Ibnu Malik, Rasulullah SAW bersabda: Satu surah di dalam Al-Quran menghadiahkan kepada pembacanya sehingga memasukkannya ke dalam syurga iaitu "Tabarakallazi"

(HR At-Tabrani)

*" Sesungguhnya di dalam Al-Quran terdapat 30 ayat yang kandungannya akan memberi syafaat kepada orang yang membacanya sehingga ia mendapat keampunan dosanya iaitu surah Al-Mulk"*

(HR Abu Daud)

## **KELEBIHAN SURAH AL-WAQI'AH**

Surah al-Waqi'ah adalah surah ke 56 dalam mushaf al-Quran yang memiliki 96 ayat. Surat ini tergolong surat makiyyah yang turun setelah surah Thoha.

Surah ini berisi gambaran tentang huru hara yang terjadi di hari qiyamat, dan pada waktu di hisab manusia terbagi menjadi tiga golongan:

- 1 - Golongan yang bersegera menjalankan kebaikan (As-Sabiqun).
- 2 - Golongan kanan (Ashabul yamiin).
- 3 - Golongan kiri yang celaka (ashabussyimal).

Surah ini juga berisi bantahan Allah terhadap orang yang mengingkari keberadaan Tuhan, hari berbangkit, dan adanya hisab. Diterangkan pula dalam surah ini bahawa al-Quran berasal dari lauhul mahfuz.

## **Surah al-Waqiah dapat menjadi pelindung dari kefakiran**

Seperti yang diriwayatkan Abu Ubaid:

Abdullah bin Mas'ud Rodiyallahu Anhu berkata: *“saya mendengar nabi bersabda: ‘barang siapa membaca surah al waqi’ah setiap malam, ia tidak akan tertimpa kefakiran selamanya.’ Ibnu Masud berkata, “aku telah memerintahkan anak perempuanku membacanya setiap malam.”*

(H. R. Abu Ubaid dalam Fadhoil Al quran)

## **Surah al-Waqi’ah dibaca Nabi Muhammad pada waktu subuh.**

Seperti yang dijelaskan dalam hadis sohih:

Jabir bin Samurah rodhiyallahu Anhu berkata: “Solat yang dikerjakan Nabi Muhammad seperti solat yang kalian kerjakan saat ini. Namun terkadang beliau meringankannya. Solat yang beliau kerjakan lebih ringan dari solat kalian. Dalam solat subuh kadang beliau membaca surah al-Waqi’ah dan yang sejenisnya.”

## **KELEBIHAN SURAH AL-KAHFI**

Surah al-Kahfi mempunyai 110 ayat. Ia merupakan surah Makkiyah. Di dalamnya terdapat mesej-mesej aqidah yang didatangkan sebahagiannya dalam bentuk cerita.

Antara cerita atau penjelasan kisah yang dibawa di dalam surah ini ialah tentang kisah beberapa pemuda Ashabul Kahfi yang mempertahankan aqidah mereka tatkala diburu oleh pemerintah yang zalim, kisah si kafir yang memiliki dua kebun dan sahabatnya seorang yang beriman kepada ALLAH, kisah Nabi Musa dan Khidir, dan kisah Dzulqarnain membantu kaum yang berhadapan dengan masalah yang ditimbulkan oleh Yakjuj dan Makjuj.

### **Kelebihan Membaca Surah Al-Khafi Pada Hari Jumaat.**

Rasulullah bersabda: *“Barang siapa yang membaca Surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, maka Allah akan meneranginya dengan cahaya dari Jumaat yang dia baca kepada Jumaat yang berikutnya.”*

(HR Baihaqi)

*“Sesungguhnya barangsiapa membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, nescaya ia akan diterangi oleh cahaya antara dua Jumaat.”*

(HR Hakim 3349)

Daripada Muaz Ibnu Anas Al-Juhari, daripada bapanya, daripada Nabi SAW baginda bersabda:

*“Sesiapa membaca dari Surah Al-Kahfi, maka jadilah baginya cahaya daripada kepala hingga kakinya dan sesiapa yang membaca keseluruhannya, maka jadilah baginya cahaya antara langit dan bumi.”*

(HR Ahmad)

Sangat beruntung bagi orang yang mengamalkan surah ini. Apatah lagi jika menghafalnya.

Moga kita semua mampu menghafal surah ini dan mengamalkannya. Amin Allahumma Amiin.

## **RAHSIA HAFAL 3 SURAH AMALAN INI DALAM MASA 50 HARI!**



Seperti yang kita maklum, 3 Surah amalan ini merupakan surah yang patut diamalkan oleh semua orang. Total ayat 3 surah ini adalah

Al-Mulk – 30 ayat.

Al-Waqi'ah – 96 ayat.

Al-Kahfi – 110 ayat

Total ayat = 236 ayat.

Total ayat yang anda perlu hafal adalah : **236 ayat!**



Jika dalam masa sehari anda dapat hafal 4 – 5 ayat, dalam masa 50 hari anda akan dapat hafal 3 Surah Amalan ini.

Tetapi dengan syarat anda konsisten dan istiqomah!

## **BAGAIMANA NAK LAKUKAN INI?**

Baiklah, sekarang saya akan share pada anda step dan langkah untuk hafal 3 Surah Amalan dalam masa 50 hari.

**STEP 1** - Memisah-misahkan selebar SATU mukasurat kepada 3 BAHAGIAN. Satu mukasurat biasanya ada 13, 14 atau 15 baris.



**STEP 2** – Selepas sudah dibahagi tiga dalam mukasurat itu, biasanya 1 bahagian ada dalam 5 baris. (15 baris bahagi 3 = 5 baris).

Anda dikehendaki menghafal satu hari hanya **5 BARIS SAHAJA**. Biasanya dalam 5 baris itu ada dalam 4 – 5 ayat, kadangkala lebih jika ayat itu pendek-pendek.



**STEP 3** – Fokus hanya pada 5 baris itu sahaja. Ulang, ulang dan ulang sehingga melekat di dalam ingatan anda.

**STEP 4** – Selepas sudah hafal dan yakin, uji hafalan anda dengan cari guru atau pasangan untuk menyemak.



Pastikan guru atau pasangan itu orang yang mahir atau tahu dalam Tajwid al-Quran. Orang yang bacaan dia bagus dan lebih baik dari kita.

Lebih baik lagi jika orang yang menyemak anda itu adalah orang yang sudah hafal al-Quran atau surah yang ingin disemak.

Jika tiada guru atau pasangan, buat rakaman suara dan semak sendiri selepas itu. Semasa buat rakaman jangan tengok al-Quran.

**STEP 5** – Semasa menyemak, jika ada kesalahan melebihi 3-5 kesalahan, maknanya anda belum betul-betul ingat.



Ulang dan mantapkan lagi hafalan anda sehingga paling kurang 2 kesalahan sahaja, atau tiada kesalahan langsung.

**STEP 6** – Anda sudah berjaya capai target hafalan harian anda iaitu 5 BARIS atau 4-5 AYAT sehari. Buat berterusan selama 50 hari non stop. Anda akan berjaya menghafal 3 Surah Amalan dalam masa 50 hari. Tahniah diucapkan!

## **KAEDAH MENGHAFAL DENGAN BERSISTEM**

Saya ingin memperkenalkan satu sistem yang sistematis untuk anda amal dan praktikkan.

Jika anda amalkan ini, inshaa Allah hafalan anda akan terjaga dan berjalan dengan lancar.

.

Baik. Saya mulakan. Dalam sistem ini, ada 3 sistem.

1 – **Sabaq** – Hafalan Baru

2 – **Pra Sabaq** – Mengulang hafalan yang baru hafal sebelum ini.

3 – **Mokhtar** – Mengulang hafalan yang lama-lama.

## **SABAQ**

Sabaq ialah hafalan yang kita baru nak hafal. Jika 5 baris, maka itulah 'sabaq' kita.

**\*Recommend waktu : Biasanya pada waktu pagi selepas subuh, atau sebelum subuh.**

## **PRA SABAQ**

Pra sabaq pula ialah hafalan yang kita dah hafal 'semalam'. Iaitu 5 baris semalam yang kita hafal.

**\*Recommend waktu : Pada waktu sebelum zohor (10 am – 1 pm).**

Selepas sudah lepas sabaq pada waktu pagi (sebelum/selepas subuh), jangan berhenti, ulang hafalan yang semalam pula supaya kita tidak lupa.

Kemudian pada hari ketiga, Pra sabaq akan jadi 10 ayat ( 5 ayat hari pertama + 5 ayat hari kedua ).

Cukup Pra Sabaq hanya 10 ayat yang sebelum ini untuk permulaan. Jika sudah biasa, boleh tambah ke 15 baris atau lebih. Mengikut kemampuan anda.

## **MOKHTAR**

Mokhtar ialah hafalan yang lama-lama. Jika kita sudah berada pada hari kelima contohnya, dan sehari kita hafal 5 baris, mesti anda sudah ada 25 baris dalam ingatan.

Jadi, 10 baris sebelum hafalan baru adalah Pra Sabaq, MAKA 15 baris yang baki lagi adalah 'Mokhtar'.

Maknanya, mokhtar ini adalah hafalan yang awal-awal anda hafal. Jangan tinggal, anda **wajib** ulang.

**\*Recommend waktu : waktu petang antara 2-5 pm.**

Sistem ini, jika anda sibuk bekerja, ia merupakan satu cabaran untuk anda. Tapi sekurang-kurangnya cuba untuk buat dan amalkan. Jika rasa beban, boleh hafal dan mengulang mula dengan sedikit dahulu.

Ingat! Menghafal yang baru dan Mengulang hafalan yang lama perlu seiring. Jangan hafal sahaja tapi tidak mengulang. Jika anda buat begitu anda akan rasa rugi dan menyesal di kemudian hari **“kenapalah aku tak mengulang dulu, asik hafal baru je, menyesal sungguh, kan dah lupa hafalan yang lama-lama”**.





## **RAHSIA MENJAGA HAFALAN**

Saya senaraikan rahsia saya dalam menjaga hafalan saya, jika terlalu sibuk.

1 - Bawa al-Quran ke mana-mana. Disyorkan al-Quran yang sederhana saiznya. Tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil.

Jika tiada atau terlupa membawa al-Quran, gunakan smartphone anda, download apps al-Quran.

2 – Gunakan satu al-Quran yang sama sahaja untuk menghafal. Supaya anda biasa dengan al-Quran tersebut. Jangan tukar, kecuali tertinggal atau hilang.

3 – Buka dan mengulang hafalan anda tak kira dimana anda berada, waktu rehat atau waktu yang free.

4 – Paling kurang, ulang lah sedikit dari tidak mengulang langsung.

5 – Jika tak sempat, mengulang ketika solat. Baca ayat yang sudah dihafal ketika solat. Jika anda lancar baca dalam solat, maknanya anda memang sudah betul-betul ingat ayat yang dihafal itu. Kerana anda baca direct pada Allah S.W.T.

6 – Mengajar al-Quran. Ajar anak-anak membaca al-Quran, secara tak langsung bila anak itu sedang baca pada tempat kita hafal, kita akan automatik mengulang sekali.

